

Lebih separuh ahli Umno adalah wanita

SHAH ALAM, Ahad — Lebih 50 peratus ahli Umno yang membaharui keahlian masing-masing di seluruh negara adalah wanita, kata Ketua Penerangan Pergerakan Wanita Umno, Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail.

Menurutnya, jumlah pendaftaran di kawasan parlimennya di Selayang menunjukkan 7,101 daripada 13,731 ahli adalah wanita.

"Ini menunjukkan jumlah wanita yang mendaftar lebih ramai, tidak seperti yang diperkatakan iaitu dalam lingkungan 30 hingga 40 peratus," katanya.

Belliau puas hati kerana lebih 13,000 daripada 16,000 ahli Umno lama di bahagiannya, sudah mendaftar semula ma-

nakala lima peratus lagi adalah ahli baru.

Menurut Datin Paduka Hajah Zaleha, ini menunjukkan usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa Gerakerja yang ditubuhkan di setiap cawangan untuk menarik lebih ramai ahli mencapai kejayaan.

Tujuh biro

Belliau berkata, setakat ini 72 daripada 81 cawangan Umno di Selayang, sudah mempunyai pergerakan wanita dan usaha menubuhkan penaja bagi pergerakan wanita di sembilan cawangan sudah dijalankan.

Katanya, Pergerakan Wanita Umno di bahagiannya sedang berusaha menjadi-

kan Wanita Umno sebagai pertubuhan wanita yang cerias dengan memastikan setiap ketua cawangan dan setiausahanya menjadi ahli biro Umno bahagian.

"Mereka akan diserapkan dalam tujuh biro yang baru ditubuhkan, termasuk biro politik, ekonomi, gunatena dan perhubungan awam untuk menggerakkan seluruh jentera Wanita Umno," katanya.

Di samping itu, katanya, belliau juga akan turut memastikan setiap kegiatan yang dijalankan tidak hanya tertumpu kepada ahli sahaja, tetapi merangkumi seluruh masyarakat.

"Setakat ini, kami sudah menubuhkan tiga jawatankuasa iaitu jawatankuasa

kraftangan, gerakerja dan pengundi," katanya.

Datin Paduka Hajah Zaleha berkata, jawatankuasa kraftangan akan menubuhkan tiga bengkel kraftangan di Rawang, Paya Jaras dan Gombak yang akan diuruskan oleh dua jurulatih yang akan membimbing masyarakat di kawasan itu.

Katanya, sebagai persiapan untuk menghadapi pilihanraya akan datang, Wanita Umno bahagiannya menubuhkan ketua sepuluh dalam jawatankuasa pengundi.

"Ketua sepuluh ini bermakna setiap sepuluh orang ahli akan melantik seorang ketua bagi menjaga kebajikan ahli di bawahnya," katanya.